

07/11/2000

DUN Selangor perlu lulus usul Wilayah Persekutuan

ad

KUALA LUMPUR, Isnin - Perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan hanya boleh dilakukan selepas Dewan Undangan Negeri Selangor meluluskan usul itu dan disahkan Parlimen, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim.

Justeru, beliau berkata, khabar angin kononnya istiadat pemasyhuran pusat pentadbiran baru persekutuan itu sebagai Wilayah Persekutuan akan dibuat esok adalah tidak benar.

Katanya, majlis yang akan berlangsung di Istana Negara pagi esok hanya upacara menandatangani persetujuan bagi mewujudkan Putrajaya sebagai satu lagi Wilayah Persekutuan di bawah Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan.

"Pemasyhuran Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan tidak ada esok. Yang ada hanyalah menandatangani surat perjanjian yang akan mewujudkan Wilayah Persekutuan itu.

"Dewan Undangan Negeri Selangor sewajarnya bersidang dulu dan meluluskan usul pewujudan itu dan disambut oleh Parlimen. Urusan tertib ini perlu dipatuhi," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen di sini, hari ini.

Majlis perjanjian esok akan dihadiri oleh Yang di-Pertuan Agong, Pemangku Raja Selangor, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Datuk Dr Mohamad Khir Toyo dan pihak yang akan mengesahkan perkara tersebut.

Baru-baru ini, Dr Mahathir berkata, Putrajaya akan dijadikan Wilayah Persekutuan oleh kerajaan Pusat sebaik saja ia mendapat kelulusan kerajaan negeri Selangor.

Menteri Besar Selangor, Dr Khir pula berkata, kedudukan Wilayah Persekutuan Putrajaya akan dibincangkan oleh kerajaan negeri tidak lama lagi.

Rais berkata, selepas usul penyerahan Putrajaya kepada kerajaan Pusat diluluskan, Dewan Rakyat perlu bersidang menerusi satu usul untuk menambah satu lagi Wilayah Persekutuan kepada jadual yang dikuatkuasakan di bawah Perkara 2, Perlembagaan Malaysia.

(END)